

Malaysia tumpu promosi kegiatan penerbangan am

311 - 6 MAY 2002

PUTRAJAYA, Selasa - Malaysia akan memberi tumpuan kepada usaha mempromosikan kegiatan penerbangan am (GA) di negara ini bagi meningkatkan kepesatan industri aeroangkasa.

Keputusan itu dicapai pada mesyuarat kedua Majlis Aeroangkasa Malaysia (MAC) yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (Might), Malaysia sudah memulakan GA sejak pertengahan 1990an dengan pengeluaran pesawat ringan oleh syarikat swasta.

Mesyuarat itu memberi fokus kepada agenda merealisasikan industri aeroangkasa menerusi GA dengan mencadangkan promosi untuk GA di negara ini.

GA merujuk kepada kegiatan penerbangan yang banyak dan pelbagai berkaitan semua jenis penerbangan udara, kecuali yang

berkaitan dengan penerbangan pengangkutan komersial yang besar dan penerbangan tentera.

Ahli MAC yang hadir sama pada mesyuarat itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding dan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Anggota lain MAC ialah Panglima Tentera Udara, Jeneral Datuk Seri Suleiman Mahmud; Pengerusi Malaysia Airports Holding Bhd, Tan Sri Basir Ismail; Pengerusi Penerbangan Malaysia, Tan Sri Azizan Zainul Abidin dan Ketua Pengarah Kerja Raya, Datuk Zaini Omar.

Mesyuarat pertama MAC pada Julai tahun lalu antara lain cuba mengenal pasti bidang yang boleh diceburi dan mendapati banyak peluang boleh diterokai, termasuk membuat pesawat dan bahan komposit lain.